


Jumaat, 27 March 2020 | 9:55am



BH  
ONLINE

Rosol (tengah) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia, Ab Wahab Long (dua dari kiri) melawat Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan di Bukit Angkat, Kajang, semalam, bagi misi bantuan makanan kepada pelajar IPT dan golongan sasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. - NSTP/Asyraf Hamzah

## COVID-19: Beli barang ikut keperluan - Rosol

Oleh Baharom Bakar  
[cnews@NSTP.COM.MY](mailto:cnews@NSTP.COM.MY)

**KUALA TERENGGANU:** Jangan panik dan amalkan pembelian secara berhemah bagi memastikan bekalan keperluan harian sentiasa mencukupi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menegaskan stok barang keperluan asas mencukupi untuk menampung keperluan rakyat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, kerajaan yakin bekalan makanan mencukupi selepas pengeluar utama bahan keperluan asas memberi jaminan bekalan tidak akan terputus sepanjang PKP.

"Tetapi rakyat perlu mengamalkan pembelian secara berhemah dan tidak panik, serta membuat pembelian mengikut kegunaan."

"Hasil tinjauan dilakukan sehari sebelum kerajaan mengumumkan PKP, kita dapat rakyat membeli barang secara panik sehingga menimbulkan mengusarkan kerajaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kerajaan juga turut memberi jaminan tiada kenaikan harga barang.

"Kita sudah mengarahkan pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengaktifkan operasi.

"Kerajaan tidak akan berkompromi, peniaga yang didapati mengambil kesempatan menaikkan harga barang akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan 2011," katanya.

Rosol berkata hasil pemeriksaan dilakukan selepas kerajaan mengumumkan tempoh lanjutan PKP sehingga 14 April depan mendapati stok bekalan barang keperluan asas mencukupi.

"KPDNHEP akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan mengadakan pertemuan dengan penggiat industri bekalan makanan untuk memastikan barang keperluan asas termasuk beras, gula, tepung mencukupi," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669716/covid-19-beli-barangan-ikut-keperluan-rosol>